

Headline	TH, MAS meterai perjanjian bawa jemaah ke Tanah Suci		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	Wan Nur Faliqha Wan Hazani	AdValue	RM 12,808
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,424



TH, MAS meterai perjanjian bawa jemaah ke Tanah Suci

» *Tabung Haji puas hati penerbangan sewa khas ke Makkah*

Oleh **Wan Nur Faliqha Wan Hazani**

► **Kuala Lumpur**

Lembaga Tabung Haji (TH) semalam memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Penerbangan Malaysia (MAS) bagi penerbangan sewa khas membawa jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci tahun ini.

TH diwakili masing-masing oleh Pengurus Besar Kanan Hajinya, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia, Mohd Hisham Harun, manakala MAS diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Christoph Mueller dan Timbalan Presiden, Haji dan Sewa

Khas, Yazid Mohamed.

Majlis menandatangani perjanjian itu di Ibu Pejabat TH, Jalan Tun Razak turut dihadiri Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai TH, Tan Sri Ismee Ismail dan Pengerusi MAS, Tan Sri Md Nor Md Yusoff.

Utamakan khidmat

Ismee berkata, TH amat menitikberatkan mutu perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji dan yakin MAS dapat menyediakan perkhidmatan cemerlang.

Sementara itu, Mueller berkata, pihaknya iltizam menyediakan perkhidmatan yang

komprehensif dan selesa kapal kepada semua jemaah haji.

"Kami amat berbesar hati kerana terpilih dalam operasi haji pada kali ini dan gembira segala usaha selama ini mencapai standard diharapkan," katanya dalam kenyataan media.

Pada tahun ini, 78 penerbangan menggunakan pesawat B777-200 akan membawa jemaah haji ke Tanah Suci.

Mulai 16 Ogos

Penerbangan ke Tanah Suci bermula 16 Ogos hingga 16 September, penerbangan pulang jemaah pula pada 29 September hingga 28 Oktober depan.

Bakal haji akan berlepas dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA), Pulau Pinang, Senai, Kuala Terengganu, Alor Setar, Kota Kinabalu dan Kuching.

“ Kami berbesar hati kerana terpilih dalam operasi haji kali ini dan gembira segala usaha mencapai standard diharapkan”

Christoph Mueller,
Ketua Pegawai Eksekutif MAS

Headline	TH, MAS meterai perjanjian bawa jemaah ke Tanah Suci		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	Wan Nur Faliqha Wan Hazani	AdValue	RM 12,808
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,424



Syed Saleh (kiri) dan Mueller bertukar dokumen MoU disaksikan Ismee (dua dari kiri) di Ibu Pejabat TH, Jalan Tun Razak, semalam.